



LATAR BELAKANG PERNIAGAAN

Syarikat kami telah ditubuhkan pada 2010 dibawah nama Ainix Resouces (IP330404-T) yang telah didaftarkan dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Untuk pengetahuan, tahun 2016 ini merupakan tahun keenam syarikat kami beroperasi dengan cemerlangnya.

Aktiviti utama perniagaan kami pada asalnya ialah menerima tempahan pelbagai jenis percetakan baju bagi apa sahaja aktiviti pelanggan secara offline ataupun walk-in customer.

Pada pertengahan tahun 2011, pihak kami telah memperkenalkan perniagaan secara online dibawah nama www.mohcetakbaju.com. Hasilnya, 90% hasil perniagaan kami adalah melalui perniagaan secara online tersebut.

Melalui perniagaan secara online, tempahan baju bukan sahaja diterima daripada pelanggan di Semenanjung Malaysia tetapi juga dari Sabah & Sarawak. Strategi kami untuk memberikan kos pos **PERCUMA** bagi pelanggan Semenanjung & bayaran 50% untuk pelanggan Sabah Sarawak, menjadikan website kami antara yang banyak mendapat sambutan dari orang ramai.

Pada masa dahulu, perniagaan kami beroperasi di sebuah kedai kecil sebesar bilik kecil yang hanya mampu memuatkan meja cetak sebesar 6 inci X 2inci sebanyak 2 buah. Kedai tersebut terletak disebelah rumah ibu bapa saya yang terletak di 322/6, Jalan Durian 3, Felcra Changkat Lad, Kg Gajah, Perak.

Dengan ruang yang kecil & 2 buah meja sebesar itu, pihak kami hanya mampu mencetak baju sebanyak 9 helai sahaja bagi satu-satu masa. Jika tempahan yang diterima melebihi 50 helai, pihak kami terpaksa mengambil masa yang agak lama untuk menyelesaikannya.

Syukur, pada masa sekarang, kami telah mengembangkan perniagaan kami dengan penyediaan 80 buat meja cetakan, tambahan 2 pekerja bergaji & 2 bengkel cetakan baju.

Sebelum ini kami suami isteri yang menguruskan syarikat tersebut. Suami saya iaitu En.Nik Nasruddin Nik Malek merupakan pekerja kerajaan di Teluk Intan ditugaskan untuk menguruskan hal-hal kewangan, pereka grafik & pengurusan masalah-masalah teknikal percetakan. Manakala, saya selaku pemilik perniagaan, menguruskan hal-hal tempahan baju,

penerimaan tempahan dari pelanggan dan juga mencetak baju. Diantara perkhidmatan yang kami sediakan ialah :

1. Percetakan baju secara silkscreen (dye).
2. Percetakan baju secara sulaman (embroidery).
3. Percetakan baju secara heat transfer (stiker).
4. Penjualan baju atau tshirt kosong.
5. Pembekal tshirt custom made & ready made.
6. Pembekal pelbagai barangan fabrik lain selain tshirt & baju seperti topi, tuala dll.

LATAR BELAKANG PEMILIK PERNIAGAAN (USAHAWAN)

Berikut disenaraikan butir-butir peribadi pemilik syarikat Ainix Resources :

Nama	:	Salina Binti Bakri
No.Kad Pengenalan	:	751020-08-6110
Warganegara	:	Malaysia
Jantina	:	Perempuan
Kelulusan	:	Ijazah Sarjanamuda Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia CGPA 3.06 (Kelas 2 Atas) Tahun 1995 – 1999

Sinopsis Latar Belakang Usahawan :

Pemilik perniagaan iaitu Puan Salina Binti Bakri adalah seorang graduan lepasan Universiti Kebangsaan Malaysia yang tidak mempunyai pekerjaan tetap semenjak habis belajar pada Tahun 1999 sehingga 2010 (12 tahun).

Perniagaan sekarang hanya dimulakan pada pertengahan 2010.

Beliau merupakan anak ke 3 dari 4 orang adik-beradik dan satu-satunya anak yang mempunyai kelulusan tahap Universiti.

Beliau menjadi anak harapan untuk membantu meringankan beban keluarga dalam kehidupan harian. Dengan perniagaan percetakan baju ini, sedikit sebanyak telah berjaya mengeluarkan mereka sekeluarga daripada kehidupan yang susah dan daif.

PERKEMBANGAN PERNIAGAAN SEMASA

Kami telah memperkenalkan perniagaan secara online di bawah www.mohcetakbaju.com pada Jun, 2011. Sehingga kertas kerja ini ditaip iaitu pada 15 Mei 2016, kami telah menerima hits ataupun pelawat maya seramai 2,000,000++ orang sehingga kini. Ini bermakna purata pelawat blog kami tersebut dalam lingkungan 27,777 orang sebulan. **KLIK PADA LINK WEBSITE KAMI UNTUK BUKTI.**

Hasilnya, tempahan baju meningkat beberapa kali ganda daripada sebelumnya.

Sehingga bulan April, 2016 sahaja, pihak kami telah menerima tempahan baju secara purata 3,000 helai sebulan dimana jika dibandingkan dengan tempahan yang diterima semasa menjalankan perniagaan secara off line, hanya sekitar 200 ke 300 helai sahaja sebulan.

Jika dilihat kepada peningkatan & konsistensi dalam tempahan baju bulanan, tidak mustahil perniagaan kami akan bertambah meningkat pada masa akan datang.

Kami bermula hanya mempunyai 2 buah meja yang hanya boleh memuatkan 9 helai baju untuk dicetak pada satu-satu masa dalam satu bilik kedai yang sempit.

Sila rujuk gambar dibawah untuk pengesahan.



Situasi ini menyebabkan kami berhadapan dengan kesukaran untuk memenuhi kehendak pelanggan yang inginkan tempahan baju mereka dalam masa yang cepat & dengan kuantiti yang banyak. Pihak kami terpaksa menangguhkan tempahan-tempahan lain yang mahukan segera disebabkan kondisi tempat yang tidak mencukupi.

Tetapi syukur, mulai Tahun 2014, syarikat kami telah berkembang pesat & mempunyai tambahan meja cetakan sebanyak 80 buah seperti dibawah.



Dengan sebab itu, dengan adanya tempat baru yang lebih luas, permintaan pelanggan untuk mendapatkan tempahan mereka dengan lebih cepat akan menjadi lebih mudah dan lancar.

Dengan penambahan ruang & pembinaan tempat baru juga, memberikan kami peluang untuk meningkatkan lagi potensi tempahan kami sedia ada.

SASARAN PERNIAGAAN

Bagi menjadikan perniagaan kami lebih kompetitif dalam industri percetakan di dunia online, pihak kami berharap dapat mempelbagaikan produk supaya pelanggan tidak memberikan tumpuan hanya kepada produk berbentuk cetakan baju sahaja.

Dengan pembinaan tempat baru tersebut, kami berharap mampu untuk memperkenalkan produk-produk lain yang mempunyai pelanggan yang pelbagai.

Diantara sasaran produk kami pada masa akan datang termasuklah :

1. Menyulam baju atau tshirt sendiri tanpa menyerahkan kepada syarikat lain. Pada masa sekarang hanya ada 1 mesin sulam sahaja.
2. Memperkenalkan produk-produk lain seperti cetakan pada mug, mozek, lanyard dan pelbagai bentuk cenderamata.
3. Memperkenalkan konsep-konsep baru dalam perniagaan cetakan baju kami seperti dropshipping, ejen & pembekal baju.

Selain daripada itu, aktiviti cetakan baju juga mempunyai sasaran perniagaan sendiri setelah mendapat tempat baru iaitu :

1. Mengenakan harga yang lebih murah dan kompetitif terutamanya kepada pelajar kerana dengan adanya tempat percetakan yang baru, masa dapat diijamatkan dengan lebih banyak. Justeru, banyak baju yang dapat disiapkan dengan lebih cepat.
2. Kami juga mampu menyimpan stok-stok dengan lebih tersusun berbanding sekarang dimana stok-stok dalam bentuk baju disusun tanpa susunan yang betul dalam kedai kami.

3. Pelanggan yang datang ke kedai juga dapat berurusan dengan lebih selesa kerana tempat lebih luas.
4. Dengan adanya tempat baru juga, kami mampu meningkatkan lagi produktiviti kami dengan lebih tinggi. Justeru itu, dapat sama-sama menyumbang kepada masyarakat setempat jika perlukan sumbangan dll.
5. Kami juga berharap pelanggan-pelanggan akan lebih yakin dengan kami untuk menyiapkan tempahan mereka kerana mereka tahu kami mempunyai ruang yang mampu menyiapkan tempahan mereka dalam tempoh yang ditetapkan.

PENUTUP

Saya merupakan graduan menganggur dari Universiti Kebangsaan Malaysia semenjak tahun 1999 lagi. Saya telah menghadiri pelbagai jenis temuduga daripada jawatan guru sehinggalah ke kerja-kerja pejabat. Akan tetapi, satu pun tidak diterima.

Sehinggalah saya diperkenalkan oleh perniagaan cetakan baju ini oleh suami pada Tahun 2010.

Alhamdulillah, setelah 6 tahun berkecimpung dalam bidang ini, saya merasakan inilah bidang yang patut saya ceburi. Pendapatan yang diterima setakat ini juga diluar dugaan saya kerana pendapatan bulanan yang diterima melebihi pendapatan yang saya terima semasa kerja-kerja sambilan dan kontrak sebelum ini.

Oleh yang demikian, dengan perkongsian latar belakang syarikat kami ini, dapat membuka anda sebagai ejen-ejen kami untuk lebih yakin & percaya yang bisnes kami ini mampu untuk pergi lebih jauh lagi. Bukannya hangat-hangat tahi ayam sahaja.

Sebagai menguatkan lagi keyakinan anda untuk bersama-sama dalam menjana duit bersama kami, suami saya telah membuat keputusan untuk berhenti kerja daripada kerja full time beliau & akan menumpukan sepenuh perhatian kepada bisnes cetak baju ini.

Diharapkan, bisnes TShirt kami ini akan menjadi inspirasi kepada anda untuk sama-sama berjaya bersama kami.

Sekian. Terima Kasih.

Ikhlas Dari Kami :

Abg Nik & Kak Salina

adminkomisen@gmail.com

LAMPIRAN













